

55

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 29 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10618**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah  
yang diambil bagi memperketatkan penguatkuasaan keselamatan  
dan penyelesaian masalah jenayah bersenjata terutama di  
kawasan sempadan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengawal sempadan antarabangsa Malaysia dari ancaman subversif atau pengganas, penyeludupan barangan bersubsidi, penyeludupan senjata api dan dadah dengan mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut:

- i) penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan kawalan di sempadan darat Malaysia bagi mencegah aktiviti penyeludupan. Agensi penguatkuasaan di bawah AKSEM adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara;
- ii) penubuhan Unit Risikan Sempadan (URB) di sempadan Malaysia-Thailand yang berfungsi untuk mendapatkan maklumat risikan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand untuk bertukar-tukar maklumat antara kedua-dua negara;
- iii) mengadakan Mesyuarat *Review of Joint Malaysia-Thailand Working Committee on Criminal Activities* di peringkat PDRM dan Polis Diraja Thailand di bawah payung Malaysia-Indonesia General Border Committee (MALINDO-GBC);

- iv) mengadakan mesyuarat bilateral tahunan antara Pasukan Gerakan Marin (PGM) PDRM dan Royal Thai *Marine Police* (RTMP) untuk aktiviti *rendesvous* di pantai barat dan timur Semenanjung Malaysia melibatkan Markas Taktikal PGM Wilayah 3, Pengkalan Kubor, Kelantan bersama RTMP Narathiwat, Thailand. Manakala di sebelah pantai barat melibatkan Markas Operasi PGM Wilayah 1 Langkawi, Kedah bersama RTMP Satun, Thailand; dan
  
- v) mengadakan kempen kesedaran jenayah di kalangan masyarakat setempat terutamanya penduduk di tepi tebing sungai melalui Program *Community Policing* melibatkan RTMP dan ketua masyarakat sempadan Thailand.

SOALAN : 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI AHMAD  
(LANGKAWI)**

**TARIKH : 29 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10619**

**SOALAN :**

**PR-1361-L05520**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan inisiatif Kerajaan bagi memastikan aduan awam berkaitan masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah diambil tindakan. Seterusnya apakah strategi yang telah dirangka bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dapat dirasai oleh masyarakat berhubung isu penagihan dadah yang sering dikaitkan dengan jenayah kekerasan dan jalanan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri mengambil tanggungjawab berikut bagi memastikan aduan awam berkaitan penyalahgunaan dan pengedaran dadah diambil tindakan:

- i) memberi keutamaan kepada aduan / maklumat awam berkaitan aktiviti penagihan / penyalahgunaan dadah;
- ii) penyediaan pelbagai platform bagi membuat aduan, seperti saluran telefon, faks, e-mel, surat, dan kaedah bersemuka; dan
- iii) meletakkan sasaran penyelesaian aduan awam “yang berasas” dalam tempoh 7 hari bekerja.

Maklumat yang diterima daripada aduan awam turut dikongsi dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui operasi mengesan dan menahan penagih dadah untuk membersihkan sarang penagihan dadah sekali gus dapat meningkatkan keselamatan di kawasan tersebut.

AADK telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) di seluruh negara secara berperingkat bagi membersihkan 178 buah kawasan berisiko termasuk kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR).